



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

www.malaysianbar.org.my

Wisma Badan Peguam Malaysia
2 Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2050 2019
Email : council@malaysianbar.org.my

**Circular No 117/2024
Dated 3 Apr 2024**

To Members of the Malaysian Bar

**Arahan Amalan Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Bil. 1 Tahun 2024
Arahan Amalan Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Bil. 2 Tahun 2024**

The Office of the Special Commissioners of Income Tax has issued the following Practice Directions dated 1 Apr 2024:

1. “Arahan Amalan Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Bil. 1” entitled “Penyediaan Perintah Pemutus Oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan”; and
2. “Arahan Amalan Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Bil. 2” entitled ‘Permohonan Penyatuan Rayuan-Rayuan Di Hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan’.

Members may click [here](#) (see pages 2 to 14) to view Arahan Amalan Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan Bil. 1 and [here](#) (see pages 15 to 16) to view Arahan Amalan Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Bil. 2.

Thank you.

**Anand Raj
Chairperson
Tax Law Subcommittee
Corporate and Commercial Law Committee**

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
Setiausaha Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia
Presiden, Majlis Peguam Malaysia
Presiden, Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia

ARAHAN AMALAN PENGERUSI PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
BIL.1 TAHUN 2024

PENYEDIAAN PERINTAH PEMUTUS
OLEH PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Arahan Amalan ini bertujuan untuk menyeragamkan Perintah Pemutus tertentu yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) serta sebagai panduan kepada PKCP dan Setiausaha PKCP (“Setiausaha”) dalam penyediaan Perintah Pemutus tersebut.
3. Terdapat enam (6) format Perintah Pemutus yang diseragamkan dalam Arahan Amalan ini iaitu seperti berikut:
 - i. Perayu menarik balik rayuan adalah seperti di **LAMPIRAN A**;
 - ii. Perayu tidak hadir semasa sebutan atau bicara adalah seperti di **LAMPIRAN B**;
 - iii. Pihak-pihak memasuki Perjanjian Penyelesaian adalah seperti di **LAMPIRAN C**;

- iv. Rayuan dibenarkan selepas perbicaraan penuh adalah seperti di LAMPIRAN D;
 - v. Rayuan ditolak selepas perbicaraan penuh adalah seperti di LAMPIRAN E ; dan
 - vi. Penyatuan rayuan-rayuan adalah seperti di LAMPIRAN F.
4. Sehubungan itu, Perintah Pemutus yang dikeluarkan oleh Pejabat ini hendaklah mengikut format yang dilampirkan dalam Arahan ini.
5. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
6. Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta merta.

Bertarikh pada 1 April 2024



(DATO' OTHMAN BIN YUSOF)

Pengerusi
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
Malaysia.

LAMPIRAN A

MALAYSIA
PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
RAYUAN NO. [NO. FAIL KES]

ANTARA

[NAMA KES] ... **PERAYU**

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ... **RESPONDEN**

PERINTAH PEMUTUS

DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

[NAMA PANEL PKCP]

DI [LOKASI BERSIDANG] PADA [TARIKH KEPUTUSAN]

RAYUANINI TELAH dipanggil pada hari ini dalam kehadiran [nama peguam 1 yang hadir] bersama [Nama peguam 2 yg hadir], [pegawai bela dan peguam cara / ejen cukai / wakil] bagi pihak Perayu dan [nama peguam LHDN 1] bersama [nama peguam LHDN 2], Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi pihak Responden;

DAN SETELAH PIHAK PERAYU menarik balik rayuan ini menurut perenggan 102(5)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan atas permohonan Responden untuk suatu perintah di bawah perenggan 102(8)(a) dan (b) Akta Cukai Pendapatan 1967;

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa menurut perenggan 102(8)(a) dan (b) Akta Cukai Pendapatan 1967-

- (a) Prosiding di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan berhubungan dengan rayuan ini hendaklah terhenti; dan
- (b) *[Notis taksiran / Notis taksiran tambahan]* bertarikh *[tarikh notis taksiran Borang Q]* bagi tahun taksiran *[tahun taksiran]* yang berkaitan dengan rayuan ini adalah muktamad dan konklusif.

Bertarikh [tarikh keputusan].

[NAMA PANEL PKCP]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

LAMPIRAN B

MALAYSIA
PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
RAYUAN NO. [NO. FAIL KES]

ANTARA

[NAMA KES] ... **PERAYU**
... **DAN**

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ... **RESPONDEN**

PERINTAH PEMUTUS

DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
[NAMA PANEL PKCP]
DI [LOKASI BERSIDANG] PADA [TARIKH KEPUTUSAN]

RAYUANINI TELAH dipanggil pada hari ini dengan ketidakhadiran pihak Perayu dan dengan kehadiran pihak Responden [nama peguam LHDN 1] bersama [nama peguam LHDN 2], Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi pihak Responden;

DAN ATAS PERMOHONAN RESPONDEN supaya rayuan ini ditolak menurut perenggan 17(1)(b) Jadual 5 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967;

DAN SETELAH Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan meneliti dokumen-dokumen dalam rayuan ini;

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa rayuan ini ditolak dan [notis taksiran / notis taksiran tambahan] bertarikh [tarikh notis taksiran / notis taksiran tambahan] bagi tahun taksiran [tahun taksiran] yang berkaitan dengan rayuan ini hendaklah dikekalkan.

Bertarikh [tarikh keputusan].

[NAMA PANEL PKCP]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

LAMPIRAN C

MALAYSIA
PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
RAYUAN NO. [NO. FAIL KES]

ANTARA

[NAMA KES] ... **PERAYU**

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ... **RESPONDEN**

PERINTAH PEMUTUS

DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

[NAMA PANEL PKCP]

DI [LOKASI BERSIDANG] PADA [TARIKH KEPUTUSAN]

RAYUANINI TELAH dipanggil pada hari ini dalam kehadiran [nama peguam 1 yang hadir] bersama [Nama peguam 2 yg hadir], [pegawai bela dan peguam cara / ejen cukai / wakil] bagi pihak Perayu dan [nama peguam LHDN 1] bersama [nama peguam LHDN 2], Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi pihak Responden;

DAN SETELAH Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan berpuas hati bahawa Perayu dan Responden telah mencapai persetujuan di bawah perenggan 102(5)(a) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui Perjanjian Penyelesaian bertarikh [*tarikh Perjanjian Penyelesaian -lihat fail fizikal*] mengenai taksiran yang berhubungan dengan rayuan ini.

MAKA DENGAN INI ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa menurut perenggan 102(7)(a) dan (b) Akta Cukai Pendapatan 1967 –

- (a) Prosiding di hadapan Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan berhubungan dengan rayuan ini hendaklah terhenti; dan
- (b) Perjanjian Penyelesaian bertarikh [*tarikh Perjanjian Penyelesaian*] tersebut hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah persetujuan telah dicapai di bawah perenggan 101(2) [(a) / (b)] Akta Cukai Pendapatan 1967;

DAN ADALAH SELANJUTNYA DIPERINTAHKAN bahawa Perayu dan Responden hendaklah mematuhi dan mengambil tindakan sepertimana dipersetujui dalam Perjanjian Penyelesaian bertarikh [*tarikh Perjanjian Penyelesaian*] tersebut.

Bertarikh [tarikh keputusan].

[NAMA PANEL PKCP]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

LAMPIRAN D

**MALAYSIA
PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
RAYUAN NO. [NO. FAIL KES]**

ANTARA

[NAMA KES]

... PERAYU

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ... RESPONDEN

PERINTAH PEMUTUS

**DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
[NAMA PANEL PKCP 1 / NAMA PANEL PKCP 1, 2, 3]
DI [LOKASI BERSIDANG] PADA [TARIKH KEPUTUSAN]**

RAYUANINI TELAH dibicarakan pada [tarikh-tarikh bicara] dan ditetapkan untuk keputusan pada hari ini dalam kehadiran [nama peguam 1 yang hadir] bersama [Nama peguam 2 yg hadir], [pegawai bela dan peguam cara / ejen cukai / wakil] bagi pihak Perayu dan [nama peguam LHDN 1] bersama [nama peguam LHDN 2], Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi pihak Responden;

***ADALAH DIPUTUSKAN / **ADALAH DIPUTUSKAN SECARA SEBULAT SUARA bahawa Perayu telah berjaya membuktikan rayuan Perayu selaras dengan perenggan 13 Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*];**

DAN DENGAN ITU rayuan Perayu dibenarkan dan [*Notis Taksiran / Notis Taksiran Tambahan*] bertarikh [*tarikh Notis Rayuan Borang Q*] bagi tahun taksiran [tahun taksiran] dan penalti yang berkaitan dengan rayuan ini adalah diketepikan.

Bertarikh [tarikh keputusan].

[**NAMA PANEL PKCP 1**]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
(Pengerusi Panel)

[**NAMA PANEL PKCP 2**]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
(Ahli Panel)

[**NAMA PANEL PKCP 3**]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
(Ahli Panel)

LAMPIRAN E

**MALAYSIA
PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
RAYUAN NO. [NO. FAIL KES]**

ANTARA

[NAMA KES]

... PERAYU

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI ... RESPONDEN

PERINTAH PEMUTUS

DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

[NAMA PANEL PKCP 1 / NAMA PANEL PKCP 1, 2, 3]

DI [LOKASI BERSIDANG] PADA [TARIKH KEPUTUSAN]

RAYUANINI TELAH dibicarakan pada [tarikh-tarikh bicara] dan ditetapkan untuk keputusan pada hari ini dalam kehadiran [nama peguam 1 yang hadir] bersama [Nama peguam 2 yg hadir], [pegawai bela dan peguam cara / ejen cukai / wakil] bagi pihak Perayu dan [nama peguam LHDN 1] bersama [nama peguam LHDN 2], Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi pihak Responden;

***ADALAH DIPUTUSKAN / **ADALAH DIPUTUSKAN SECARA SEBULAT SUARA** bahawa Perayu telah gagal membuktikan rayuan Perayu selaras dengan perenggan 13 Jadual 5 Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*];

DAN DENGAN ITU rayuan Perayu ditolak dan [*Notis Taksiran / Notis Taksiran Tambahan*] bertarikh [*tarikh Notis Rayuan Borang Q*] bagi tahun taksiran [tahun taksiran] dan penalti [sekiranya ada] yang berkaitan dengan rayuan ini dikekalkan.

Bertarikh [tarikh keputusan].

[**NAMA PANEL PKCP 1**]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
(Pengerusi Panel)

[**NAMA PANEL PKCP 2**]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
(Ahli Panel)

[**NAMA PANEL PKCP 3**]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
(Ahli Panel)

LAMPIRAN F

**MALAYSIA
PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN
RAYUAN NO [NO FAIL KES]**

ANTARA

[NAMA KES]

... PERAYU

DAN

KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI

... RESPONDEN

PERINTAH UNTUK PENYATUAN

DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

[NAMA PANEL PKCP]

DI [LOKASI BERSIDANG] PADA [TARIKH KEPUTUSAN]

RAYUANINI TELAH dipanggil pada hari ini dalam kehadiran [nama peguam yang hadir], Peguam bela dan Peguam cara bagi pihak Perayu dan [nama peguam LHDN], Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia bagi pihak Responden;

ATAS PERMOHONAN SECARA LISAN oleh Peguamcara Perayu/Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil dalam rayuan ini untuk Rayuan [No Rayuan] disatukan dengan Rayuan [No Rayuan] dan Peguamcara Perayu/Peguam Kanan Hasil/Peguam Hasil tidak mempunyai bantahan atas permohonan pihak Perayu/Responden tersebut;

ADALAH DIPERINTAHKAN bahawa Rayuan [No Rayuan] disatukan dengan Rayuan No. [No Rayuan] dan hendaklah diteruskan sebagai satu rayuan dan selanjutnya diperintahkan bahawa tajuk bagi Rayuan [No Rayuan] dipinda dengan menambah kepadanya tajuk Rayuan [No Rayuan].

Bertarikh [tarikh keputusan]

[NAMA PANEL PKCP]
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Semua Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Setiausaha Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan

Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri Malaysia

Presiden, Majlis Peguam Malaysia

Presiden, Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia

ARAHAN AMALAN PENGERUSI PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN

BIL.2 TAHUN 2024

**PERMOHONAN PENYATUAN RAYUAN-RAYUAN
DI HADAPAN PESURUHJAYA KHAS CUKAI PENDAPATAN**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan Arahan Amalan ini dikeluarkan untuk menyediakan garis panduan kepada Perayu dan Responden berhubung dengan permohonan untuk menyatukan rayuan-rayuan yang difailkan di Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“Pejabat PKCP”)
3. Apabila Ketua Pengarah Lembaga Hasil dalam Negeri memfailkan Notis Rayuan (Borang Q) di Pejabat PKCP, Borang Q tersebut akan didaftarkan mengikut tahun taksiran dan nombor rayuan akan diberikan berdasarkan Borang Q tersebut.
4. Dalam keadaan tertentu, rayuan-rayuan yang didaftarkan mempunyai fakta atau isu yang sama untuk dibicarakan. Sehubungan itu, bagi tujuan memudahkan proses perbicaraan, Perayu atau Responden boleh memohon secara lisan kepada

Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan (“PKCP”) untuk menyatukan rayuan-rayuan tersebut pada mana-mana peringkat prosiding kecuali bagi mana-mana rayuan yang telah selesai perbicaraan.

5. PKCP boleh membenarkan permohonan penyatuan tersebut tertakluk kepada persetujuan kedua-dua pihak. Seterusnya PKCP akan mengeluarkan Perintah Pemutus Penyatuan setelah permohonan tersebut dibenarkan.
6. Rayuan-rayuan yang disatukan tersebut akan dibicarakan bersama dan PKCP akan mengeluarkan satu Perintah Pemutus bagi kesemua rayuan tersebut dan satu Alasan Keputusan sekiranya terdapat rayuan ke Mahkamah Tinggi.
7. Segala kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg Datuk/Tuan/Puan di dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
8. Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta merta.

Bertarikh pada | April 2024



(DATO' OTHMAN BIN YUSOF)

Pengerusi
Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan
Malaysia.